



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

KPKM RAI WARGA MENERUSI ACARA TRADISI PROGRAM BUBUR LAMBUK

PUTRAJAYA, 4 APRIL 2024 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan hari ini menganjurkan Program Jualan Agro Madani Aidilfitri dan Agihan Bubur Lambuk yang merupakan amalan tradisi Kementerian pada setiap tahun.

Perasmian disempurnakan oleh Timbalan Menteri pertanian dan keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup Hadir sama Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), merangkap Presiden Kelab Tani, Datuk Badrul Hisham Mohd, Pengerusi Puspanita Cawangan KPKM, Datin Wan Razanawani Wan Zakaria dan Pengurusan Tertinggi KPKM.

Program tahun ini dianjurkan bersama oleh Kelab Tani, Puspanita Cawangan KPKM, AKRAB KPKM, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Pemasaran Ikan Malaysia (LKIM) dan Qemangi.

Bubuk Lambuk merupakan satu keunikan di Malaysia setiap kali menjelang Ramadan. Secara tradisi di KPKM ianya akan diagih-agihkan kepada warga KPKM dan Jabatan serta Agensi dibawahnya.

Signifikannya Program Bubur Lambuk melambangkan perpaduan dan kesepakatan rakyat Malaysia walau berbeza bangsa, budaya dan agama, namun perbezaan itu diraikan dan diterima secara bersama bagi mencapai matlamat dan manfaat yang akan dikongsi sebagai rakyat MADANI.

KPKM percaya diplomasi makanan (*food diplomacy*) sebagai satu kaedah untuk memperkenalkan kekayaan budaya Malaysia kepada dunia, selain memperkukuhkan keterjaminan makanan negara.

Turut diadakan penyerahan Sumbangan Zakat, Sumbangan Kepada Mangsa Kemalangan, Sumbangan Bantuan Kesihatan, Sumbangan Kepada Mangsa Bencana dan Sumbangan Ceria Aidilfitri kepada warga Kementerian. Selain itu KPKM juga mengadakan Program Jualan Agro Madani Raya di pekarangan Wisma Tani.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

4 APRIL 2024